

Pengurangan pekerja PETRONAS kebanyakan berstatus kontrak

BERITA HARIAN 07 JUN 2025 m/s: 3

Keputusan kurangkan 5,000 kakitangan susulan syarikat berdepan cabaran sukar

Oleh Mohd Nasaruddin Parzi
bhnews@bh.com.my

Sepang: Sebahagian besar daripada 5,000 kakitangan Petroliaam Nasional Bhd (PETRONAS) yang akan dikurangkan secara berperingkat tahun depan daripada status kontrak, kata Datuk Seri Anwar Ibrahim.

“Kebanyakannya kontrak,” katanya ringkas ketika diminta mengulas mengenai keputusan dan langkah diambil oleh syarikat minyak dan gas negara itu dalam melaksanakan pengurangan kakitangannya.

Perdana Menteri ditemui media selepas selesai solat Jumaat di Surau Al-Ikhwan Jalan Pingiran Putra di sini, semalam.

Terdahulu, beliau makan tengah hari di restoran berhampiran surau berkenaan bersama pengunjung lain.

Kelmarin Presiden merangkap

Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan PETRONAS, Tan Sri Tengku Muhammad Taufik Tengku Aziz menjelaskan keputusan itu diambil selepas syarikat itu berdepan cabaran operasi yang sukar, terutamanya disebabkan kejatuhan harga minyak mentah.

Katanya, bilangan kakitangan yang terbabit dalam proses pengurangan itu kira-kira 5,000 orang atau 10 peratus daripada tenaga kerja dengan mereka yang terbabit akan dimaklumkan secara berperingkat sepanjang tahun depan.

Tengku Muhammad Taufik berkata, syarikat itu menyasarkan operasi yang lebih kecil dan tangkas walaupun harga minyak mencecah paras tertinggi AS\$100 setong (AS\$1 = RM4.23).

Katanya, berdasarkan keadaan sebelum ini apabila lapangan minyak mengecil, margin keuntungan sebelum cukai syarikat itu kira-kira 35 hingga 40 peratus.

Anggaran peruntukan perbelanjaan PETRONAS berdasarkan minyak Brent pada sekitar AS\$75 (RM318.41) hingga AS\$80 (RM338.20) setong.

Minyak penanda aras global itu kini didagangkan hampir AS\$65 (RM274.79) turun kira-kira 13 peratus tahun ini, berikutan ketegangan perdagangan yang menjejaskan pertumbuhan global serta usaha OPEC+ untuk



Anwar bersalaman dengan orang ramai ketika hadir menunaikan solat Jumaat di Surau Al-Ikhwan Jalan Pingiran Putra, Putrajaya, semalam. (Foto Mohd Fadli Hamzah/BH)

memulihkan pengeluaran.

Catat untung RM55.1b

Pada tahun kewangan berakhir 31 Disember 2024, PETRONAS mencatatkan keuntungan bersih sebanyak RM55.1 bilion, turun 31.7 peratus daripada RM80.7 bi-

lion setahun sebelumnya, berikutan purata harga direalisasi yang lebih rendah dan pelarasan cukai pada 2023.

Perdana Menteri juga bertakbir raya bersama-sama jemaah di Surau Al-Ikhwan sempena Aidiladha yang disambut hari ini.

Laungan takbir dipimpin Imam Mustafa Kamal Abdullah itu diadakan selepas solat Jumaat dan disertai lebih 500 jemaah.

Anwar bersama jemaah turut mendengar khutbah bertajuk ‘Falsafah Arafah’ yang disampaikan imam berkenaan.